



## MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

06000 Jitra, Kedah Darul Aman

Tel : 9183300 / 9183317

### KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Gred G1 BUMIPUTERA yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Kubang Pasu** dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut :


| NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA  | GREDD PENDAFTARAN/ KATEGORI PENGKHUSUSAN                   | BAYARAN              | TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN                             | TARIKH TUTUP SEBUTHARGA                           |
|--|--|----------------------|--|---|
| Cadangan Membina Pejabat Pengurusan Dan Gunasama Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Stadium Mini Jitra, Daerah Kubang Pasu Kedah Darul Aman (MPKP/PO/SH(K)/10/2022)  | G1/B<br>B28<br>(Kebenaran Khas Tidak Akan Dipertimbangkan) | Dokumen :<br>RM30.00 | Dijual mulai<br>01 Jun 2022<br>Sehingga<br>14 Jun 2022 | 15 Jun 2022<br>(Rabu)<br>Jam : 12.00<br>tengahari |
| Program Bina Baharu Rumah Di Bandar Fasa 1 Tahun 2022 Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Di No. 23, Kampung Padang Pasir, Jalan Kodiang, 06010 Changloon Kedah Untuk Puan Khatijah Binti Saleh (MPKP/PO/SH(K)/11/2022) | G1/B<br>B04<br>(Kebenaran Khas Tidak Akan Dipertimbangkan) | Dokumen :<br>RM30.00 | Dijual mulai<br>01 Jun 2022<br>Sehingga<br>14 Jun 2022 | 15 Jun 2022<br>Jam : 12.00<br>tengahari           |

- Dokumen sebut harga akan dijual dalam bentuk soft copy. Untuk semakan kelayakan, kontraktor perlu emelkan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta borang permohonan pembelian dokumen sebut harga ke emel [perolehanmpkubangpasu@gmail.com](mailto:perolehanmpkubangpasu@gmail.com). Sekiranya layak, resit pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan untuk tujuan pembayaran. Waktu urusan permohonan serta pertanyaan mengenai sebut harga seperti berikut :

AHAD – RABU : 8.30 Pagi – 4.00 Petang  
KHAMIS : 8.30 Pagi – 3.00 Petang

- Penyebut harga perlu melampirkan bukti pembayaran ke emel [perolehanmpkubangpasu@gmail.com](mailto:perolehanmpkubangpasu@gmail.com)

4. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima. **Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan / didokumentasikan bersama dokumen sokongan yang diwajibkan.**
5. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Syarikat / Kontraktor boleh melawat sendiri atau tapak berkenaan bagi membantu syarikat / kontraktor mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Sila patuhi amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah perlu diteruskan.
6. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeteri. Jenis Kerja Tawaran dan Nombor Tawaran hendaklah di nyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran berkenaan di **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU** pada atau sebelum jam 12.00 tengahari bertarikh seperti tersebut di ruangan tarikh tutup sebutharga.
7. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan sendiri bahawa dokumen tersebut selamat dihantar ke alamat yang telah ditetapkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga. MPKP tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
8. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan.

  
AZMIN BIN ZAINOL ABIDIN, AMK..BCK.  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh Iklan : 31 MAY 2022



**MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU**  
**BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

|  |   |
|--|---|
| Nama Syarikat / Individu                       |   |
| Alamat   |   |
| Nama Pegawai Syarikat<br>(seperti dalam sijil) |   |
| No. Kad Pengenalan                             |   |
| No. Telefon (P) / Faks                         |   |
| No. Telefon (HP)                               |   |
| Email  |   |
| Tajuk Sebut Harga                              | <input type="checkbox"/> Cadangan Membina Pejabat Pengurusan Dan Gunasama Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Stadium Mini Jitra Daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman<br>MPKP/PO/SH(K)/10/2022 (RM 30.00)<br><br><input type="checkbox"/> Program Bina Baharu Rumah Di Bandar Fasa 1 Tahun 2022 Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Di No. 23, Kampung Padang Pasir, Jalan Kodiang, 06010 Changloon Kedah Untuk Puan Khatijah Binti Saleh<br>MPKP/PO/SH(K)/11/2022 (RM 30.00) |

Wajib lampirkan bersama salinan sijil-sijil berikut :

1. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempoh.
2. Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah tempoh.
3. Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (PKK) yang masih sah tempoh.

Peringatan :

❖ Kontraktor dinasihatkan untuk memastikan semua sijil masih sah tempoh **90 hari** dari tarikh tutup sebut harga dan mempunyai Gred, Kategori dan Pengkhususan seperti yang dinyatakan dalam iklan.

❖ Sila kemukakan borang ini berserta sijil-sijil ke email [perolehanmpkubangpasu@gmail.com](mailto:perolehanmpkubangpasu@gmail.com) untuk semakan.

Tandatangan dan cop syarikat :

Nama :

Tarikh :